

21/05/1997

Anwar nafi PM mahu bersara

MANILA, Selasa - Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan sebagai tidak berasas laporan asing yang mengandaikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan bersara.

Pemangku Perdana Menteri berkata Dr Mahathir tidak bercadang untuk bersara kerana masalah kesihatannya seperti yang dispekulasikan.

"Beliau masih kuat," katanya pada persidangan berita selepas menyampaikan ucapan pada mesyuarat agung antarabangsa ke-30 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik di sini.

Anwar juga menjelaskan bahawa pelantikannya sebagai pemangku Perdana Menteri ialah satu kesinambungan kepada apa yang dilakukannya pada masa lalu ketika ketiadaan Perdana Menteri.

"Saya rasa saya telah menjadi pemangku Perdana Menteri lebih daripada 12 kali," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata, beliau gembira dan menghargai pelantikan itu. - Bernama

(END)